

→ MAHKAMAH

# Kakitangan pejabat tanah didakwa terima RM150,000

BH. 11/1/2017 ms. 26

→ Kes babitkan beberapa permohonan permit pindah bahan batuan

Oleh Junita Mat Rasid dan S Anand Kumar  
bhnews@bh.com.my

■ Johor Bahru

**S**orang penolong pegawai tanah di Pejabat Tanah Dera (PTD) Johor Bahru mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tuduhan mendapatka n RM150,000 menerusi beberapa permohonan permit pemindahan bahan batuan (4C).

Ahmad Ehwan Ahmad, 56, didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang mempertuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau keduanya jika sabit kesalahan, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Mohd Fauzi Mohd Nasir.



Ahmad dibawa ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru bagi tuduhan mendapatkan RM150,000 menerusi beberapa permohonan permit pemindahan bahan batuan.

Dia didakwa mendapatkan RM150,000 tanpa balasan daripada ahli perniagaan, Toh Ang Poo, 50, membabitkan beberapa permohonan permit pemindahan bahan batuan (4C) menerusi akaun Affin Bank Berhad miliknya di bank berkenaan di Jalan Kebun Teh 1, Kebun Teh, di sini, pada 5 September lalu.

Mohd Fauzi kemudian membentarkan tertuduh yang ditahan SPRM petang kelmarin, diikat jamin RM30,000, manakala dokumen perjalannya diserahkan kepada mahkamah dan menetapkan 14 Februari ini untuk sebutan semula kes.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Amir Nasruddin, manakala tertuduh diwakili pe-

guam, Azrul Zulkifli Strok dan Mohd Tarmeze Mohd Taib.

## 2 didakwa tipu pelabur

Dalam kes berasingan di Mahkamah Majistret di sini, sepasang suami isteri juga mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan menipu dan bersubahat memperdaya pelabur bagi pelaburan pajakan bilik hotel di Makkah dan Madinah membabitkan kerugian RM597,151 pada April 2015.

Sheikh Saidey Nor Sheikh Rahman, 43, dan Sofia Affendi, 41, didakwa di hadapan Majistret Mohd Azlan Shah Mohd Allias mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 10 tahun dengan sebatan dan denda jika sabit kesalahan.

Sheikh Saidey Nor dituduh me-

nipu seorang wanita dengan menawarkan pelaburan dalam program Islamic Hotel supaya mangsa menyerahkan cek bernilai RM314,535 di sebuah restoran di Bandar Baru Uda, dekat sini, antara jam 8.30 hingga 11 malam pada April 2015.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa melakukan kesalahan sama membabitkan cek RM282,616.73 di lokasi dan tarikh yang sama.

Isterinya juga menghadapi dua pertuduhan, iaitu bersubahat dengan Sheikh Saidey Nor memperdaya mangsa supaya menyerahkan kedua-dua cek terbabit.

Mahkamah membenarkan setiap tertuduh diikat jamin RM90,000 dan menetapkan 7 Februari ini untuk sebutan semula kes dan mengarahkan pasangan itu melantik peguam.